

02 OCT 2001

Cuepacs-Bonus

CUEPACS MINTA BONUS DUA BULAN GAJI UNTUK KAKITANGAN AWAM

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) berharap kakitangan perkhidmatan awam akan diberi bonus pada tahun ini sebanyak dua bulan gaji.

Presidennya Datuk N. Siva Subramaniam berkata kerajaan sebelum ini telah menyatakan ia mempunyai banyak wang, oleh itu ia seharusnya mampu memberi bonus kepada kakitangannya.

Katanya, walaupun negara pernah menghadapi kegawatan ekonomi, kerajaan masih mampu memberikan wang imbuhan ketika itu berbanding dengan keupayaan kewangan kerajaan yang banyak pada masa kini.

"Kita harap kerajaan tidak hampakan perasaan pekerja, sebelum ini setiap tahun dapat bonus dan ini 'track record' yang bagus," katanya kepada pemberita pada majlis perasmian Konvensyen Cuepacs Ke-22 di sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merasmikan konvensyen tiga hari itu yang turut menyaksikan pemilihan kepimpinan kongres itu bagi penggal 2001/2003.

Siva memberi jaminan bahawa kakitangan perkhidmatan awam akan membelanjakan wang bonus itu di dalam negara untuk pelbagai tujuan termasuk bagi persekolahan anak-anak serta persediaan untuk perayaan.

Jika kerajaan memberi bonus dua bulan gaji, ia diharap akan diikuti oleh sektor swasta yang seterusnya membolehkan rakyat berbelanja dan membantu pemulihan ekonomi negara, katanya.

Siva bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai permintaan bayaran bonus itu kerana dikhuatiri akan menimbulkan pelbagai spekulasi.

"Tunggu belanjawan nanti, saya tidak mahu buat spekulasi kerana harga barang akan naik dan terpulanglah kepada kerajaan untuk membuat sebarang keputusan," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan akan membentangkan Belanjawan 2002 pada 19 Okt ini.

Terdahulu dalam ucapannya, Siva berharap kerajaan akan menimbang cadangan Cuepacs untuk mengubah skim pencen bekas kakitangan perkhidmatan awam daripada separuh gaji terakhir ketika ini kepada dua pertiga gaji yang terakhir serta memperkenalkan gaji minimum RM1,000 sebulan.

-- BERNAMA

RZS KHY NMO